**LAMPIRAN A**

## SUKATAN PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)

### 1. Matlamat sukatan

Untuk menentukan bahawa undang-undang dan peraturan mengenai kewangan dan perakaunan IPTA difahami dan diketahui penggunaannya dalam segala urusan harian. Pengetahuan ini penting bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dalam pengurusan kewangan IPTA.

### 2. Tujuan peperiksaan

Untuk membolehkan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan, Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) memiliki sijil bagi melayakkan mereka dibayar BITK RM80.00 sebulan.

### 3. Pegawai Yang Layak Menduduki Peperiksaan

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan, Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan).

### 4. Sukatan peperiksaan

Soalan-soalan yang akan ditanya kepada caloncalon adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

i. Pengurusan dan Kawalan Belanjawan
ii. Pengurusan Kewangan Am
iii. Pengurusan Terimaan
iv. Pengurusan Perolehan
v. Pengurusan Bayaran Emolumen
vi. Pengurusan Akaun
vii. Pengurusan Aset dan Stor

Bahan Rujukan:

i. Akta Kolej dan Kolej Universiti (AUKU) dan Perlembagaan Universiti
ii. Arahan Perbendaharaan
iii. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Terkini (yang berkaitan dengan kewangan)
iv. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan (yang berkaitan dengan gaji dan elaun)
v. Perintah Am Bab B (elaun-elaun) dan Bab G (Waktu bekerja dan elaun lebih masa)

| | | |
|---|---|---|
| Bentuk soalan | : | Objektif (Aneka pilihan- merangkumi teori dan kajian kes |
| Jumlah soalan | : | 40 (Jawab semua) |
| Masa | : | 1½ jam |
| Markah | : | 40 |

Calon-calon tidak dibenarkan merujuk kepada apa-apa bahan rujukan.

**5. Keputusan**

Lulus / Gagal

**6. Bahasa (soalan dan jawapan)**

Bahasa Malaysia

**7. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada :-**

Urusetia Peperiksaan BITK
Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar
Bangunan Canselori Putra
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan
**(u.p. : Pn. Siti Nadirah Mat Na'ain)**

Bagi permohonan daripada Pembantu Tadbir dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah, Ketua Jabatan hendaklah mengesahkan anggota berkenaan sedang menerima BITK RM40.00 sebulan

**8. Syarat – Syarat Lain**

Tertakluk kepada fasal 3 di atas, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang telah memiliki sijil Peperiksaan BITK tetapi tidak menerima BITK selama lima (5) tahun atau lebih secara berterusan, perlu menduduki semula dan memperolehi sijil peperiksaan ini dibayar BITK RM80.00 sebulan.

**9. Tarikh Tutup Pendaftaran**

19 April 2019 (Jumaat)

**10. Bayaran pendaftaran**

RM50.00 bagi setiap calon.

Bayaran hendaklah dibuat kepada **Bursar, Universiti Putra Malaysia (UPM) sebelum atau pada14 Jun 2019 (Jumaat).**